

Ireka manfaat hasil tunai RM204.6 juta

IREKA Corporation Bhd akan menggunakan hasil tunai bersih yang dianggarkan sebanyak RM204.6 juta daripada cadangan penjualan hotel lima bintang, The Westin Kuala Lumpur sebagai modal kerja, pembayaran semula pinjaman dan dividen.

Pengarah Eksekutifnya, Lai Voon Hon, berkata kira-kira RM15 juta akan disediakan bagi peruntukan dividen apabila urusan niaga itu diselesaikan menjelang akhir tahun ini.

"Kumpulan bercadang menggunakan RM96.5 juta sebagai modal kerja untuk mengambil peluang yang berkaitan perniagaan teras, iaitu pembinaan, pembangunan hartanah dan teknologi maklumat," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Kumpulan itu juga sedang mengkaji projek hartanah di seberang laut, terutama di Vietnam yang mana ia sudah menandatangani memorandum persefahaman dengan beberapa rakan tempatan untuk membangunkan projek hartanah komersial.

Selain itu, Lai membayangkan syarikat terbabit juga sedang meninjau projek di India dan China.

"Kami mempunyai projek hartanah di Malaysia yang mempunyai nilai pembangunan kasar RM1.2 bilion untuk tempoh tiga tahun akan datang, dengan RM450 juta adalah hartanah komersial," katanya.

Kumpulan itu menyiapkan beberapa projek pembangunan hartanah, termasuk kediaman di Mont Kiara, Kuala Lumpur, dan sebuah projek perumahan di Kota Kinabalu.

Perniagaan teras lain Ireka ialah pembinaan iaitu ia terbabit dalam projek pembinaan Kementerian Sumber Asli dan Kementerian Belia dan Sukan di Putrajaya.

Mengenai cadangan penjualan hotel The Westin Kuala Lumpur, Ireka menandatangani perjanjian jualan saham bersyarat pada 28 Ogos lalu untuk menjual hotel yang mempunyai 452 bilik itu kepada Newwood Assets Ltd, sebuah syarikat pelaburan hartanah antarabangsa. - Bernama